



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **KEMPEN JOM BACA 10 MINIT 2026: “MEMBACA MEMBINA BANGSA”**

---

**PUTRAJAYA, 17 April** - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan melancarkan Kempen Jom Baca 10 Minit pada 23 April 2026 sempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

Bagi tahun ini, kempen ini mengangkat tema “Membaca Membina Bangsa”, selari dengan aspirasi kerajaan dalam usaha memperkukuh pembinaan negara bangsa melalui pembudayaan ilmu dan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata bahawa inisiatif ini bertujuan menghidupkan amalan membaca harian dalam kalangan seluruh lapisan masyarakat. Menurut beliau, walaupun hanya 10 minit sehari diperuntukkan untuk membaca, amalan kecil ini mampu memberi impak besar dalam membentuk masyarakat berilmu, berfikiran kritis dan berdaya saing. “Budaya membaca perlu dijadikan gaya hidup rakyat Malaysia. Dengan hanya 10 minit sehari, kita mampu menyemai nilai ilmu yang akan menjadi asas kepada pembinaan masyarakat madani dan negara yang lebih maju,” katanya.

Seiring dengan misi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pembaca menjelang tahun 2030, Kementerian Perpaduan Negara akan terus mempergiat dan melipatgandakan pelaksanaan program-program galakan membaca secara inklusif dan berterusan.

## **UNTUK SIARAN NEGARA**

Sehubungan itu, kementerian menyeru semua pihak tanpa mengira latar belakang iaitu penjawat awam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pelajar sekolah, mahasiswa institusi pengajian tinggi, golongan belia, sektor swasta dan korporat untuk bersama-sama menyertai kempen ini dan menjadikan membaca sebagai amalan harian.

“Jom Baca, 10 Minit Sehari!”

### **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

17 April 2026

KPN.100-9/1/16 ( 32 )

